



SERTA! ... Talent Corporation Malaysia antara agensi menyertai **karnival industri UMS**.

UMS anjur Karnival Industri sempena Konvokesyen ke-15

NST 22.11.2013 5

KOTA KINABALU: Bersempena dengan Majlis Konvokesyen Ke-15 Universiti Malaysia Sabah (UMS), Pusat Hubungan Industri (PHI)UMS telah mengadakan Karnival Industri bermula 20 hingga 22 November.

Karnival tiga hari itu adalah bertujuan untuk memberikan peluang kepada graduan-graduan UMS untuk meninjau peluang-peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh pihak industri.

Antara organisasi yang **terlibat** ialah Petronas Berhad, Jobs-Malaysia, Digi, Bayu Success Training & Events, AIA Berhad, Sekretariat Pencegahan Rasuah UMS, Prudential Assurance Malaysia Berhad, Jabatan Imigresen Malaysia, Talent Corporation Malaysia Dan Royal Institution Academy.

Karnival itu diadakan di Dewan Kuliah Pusat Kedua UMS

iaitu bersebelahan dengan ruang **peminjaman** jubah dan dibuka **mulai 9** pagi hingga 4.30 petang.

Di samping pameran dan **perancangan** daripada wakil-wakil **industri** yang terlibat, pengunjung **terutamanya** graduan yang sedang **mencari** pekerjaan berpeluang **untuk** menghadiri temu duga terbuka (walk-in interview). Manakala bagi **mereka** yang mempunyai idea-idea **kreatif** boleh menyertai Digi Chal-

lenges yang menawarkan hadiah sebanyak RM25,000.

Sehubungan itu, PHI UMS mengalu-alukan semua graduan yang masih mencari pekerjaan untuk mengunjungi karnival ini. Untuk keterangan lanjut mengenai peluang-peluang pekerjaan, alumni UMS adalah dialu-alukan untuk berhubung dengan PHI di talian 088-320000 sambungan 6122002, 6122003 dan 6122004.